

Digunakan untuk menstruktur, membaiki dan membangun semula model baru

Proton: Dana RM2b diperlukan



PENAUNG Larian Sahara. Dr. Mahathir Mohamad (tengah) menerima dinar emas pertama daripada Pelari Solo Larian Sahara, Suwaibah Muhammad Nasir sempena Petancaran Dinar Emas Larian Sahara Sailing The Sand Of Sahara di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan pada majlis itu ialah Penasihat Khas Larian Sahara, Mohd. Salleh.

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD
bisnes@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Dis. Penasihat Proton Holdings Bhd. (Proton), Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, syarikat yang berminat untuk mengambil alih kepentingan pengeluar kereta nasional itu perlu memiliki dana sekurang-kurangnya RM2 bilion bagi memulihkan semula prestasi syarikat tersebut.

Beliau berkata, dana tersebut perlu digunakan bagi menstruktur, membaiki dan membangunkan semula model-model baru jika syarikat yang hendak mengambilalih itu benar-benar serius dalam perkara tersebut.

"Seperti yang saya katakan, bukan mudah hendak ambil alih syarikat yang mempunyai nilai yang besar malah terlalu sukar untuk memulihkan syarikat apatah lagi ia memerlukan perbelanjaan yang besar."

"Namun saya berharap orang yang hendak ambil Proton ini, jangan sesekali menyakitinya (Proton)," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran dinar emas Larian Sahara 2012 di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) yang berhasrat untuk melupuskan pegangannya 42.7 peratus di dalam Proton

Holdings Bhd. (Proton) kepada DRB-Hicom Bhd. (DRB-Hicom)

Menurut Dr. Mahathir, sehingga kini beliau tidak mendengar sebarang kenyataan dari Khazanah tentang pelupusan kepentingan itu.

Katanya, ia terpulang kepada Khazanah untuk melepaskan kepentingan tersebut dan ia mungkin baik tetapi terpulang kepada pemberi dan perlu diurus dengan baik.

"Saya amat bimbang tentang perkara ini, itu sebab saya katakan perlu ada syarikat yang memiliki kedudukan kewangan yang kukuh jika berminat terhadap Proton," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu memberitahu, DRB-Hicom perlu membuat pelaburan yang besar kerana harga yang ditawarkan itu lebih tinggi berbanding harga pasaran semasa.

Ujarnya, jika DRB-Hicom mengeluarkan tunai yang banyak, ia boleh menjejaskan suntikan pelaburan kepada Proton nanti.

Selain itu Dr. Mahathir berkata, jika benar DRB-Hicom serius terhadap tawarannya, syarikat tersebut perlu membuat tawaran awam mandatori (MGO) terhadap baki saham yang ada.

Beliau berkata, sudah menjadi syarat dalam MGO apabila berlaku tawaran pemilik melebihi 30 peratus, baki saham yang ada perlu ditawarkan untuk diambilalih.